



**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN**

**SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ)
PERATURAN-PERATURAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
(KERJA PEMBINAAN) (REKA BENTUK DAN PENGURUSAN) 2024
(PERATURAN CDM)**

(Tarikh kemas kini: 29 Ogos 2024)


Soalan 1

Apakah tujuan Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Kerja Pembinaan) (Reka bentuk dan Pengurusan) 2024 [P.U. (A) 147/2024] diwujudkan?

Jawapan

Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Kerja Pembinaan) (Reka Bentuk dan Pengurusan) 2024 [P.U.(A) 147/2024] (selepas ini dipanggil Peraturan CDM) adalah peraturan yang telah mula dikuatkuasakan pada 1 Jun 2024 dan mengandungi kehendak-kehendak perundangan berkaitan keselamatan, kesihatan dan kebajikan semasa kerja pembinaan. Peraturan CDM digubal untuk menggantikan Peraturan-Peraturan Kilang dan Jentera (Kendalian Bangunan dan Kerja Pembinaan Kejuruteraan) (Keselamatan) 1986 (selepas ini dipanggil Peraturan BOWECS) yang telah dimansuhkan pada 1 Jun 2024.

Tujuan penguatkuasaan Peraturan CDM ini adalah untuk meningkatkan prestasi keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) di industri pembinaan dengan menetapkan kewajipan kepada semua pihak yang terlibat dalam projek pembinaan untuk sama-sama meningkatkan tahap KKP. Peraturan ini menetapkan kewajipan kepada klien, pereka bentuk dan kontraktor untuk membuat perancangan, pengurusan, pemantauan dan penyelarasan KKP yang lebih efektif dan efisien. Semua pihak yang mewujudkan risiko KKP mempunyai kewajipan untuk menghapus, mengurang atau mengawal risiko tersebut sepanjang fasa projek pembinaan, iaitu prapembinaan (konseptual, reka bentuk, perancangan), pembinaan (pembinaan, penyerahan) dan pasca pembinaan (penyenggaraan, penggunaan bangunan dan perobohan). Rujuk Rajah 1.



Rajah 1. Kitar hayat projek pembinaan.

Soalan 2

Adakah Peraturan CDM 2024 terpakai untuk semua projek pembinaan?

Jawapan

Peraturan CDM terpakai untuk semua projek¹, bermula daripada fasa reka bentuk konseptual hingga penyerahan kepada klien, yang dijalankan di mana-mana tempat kerja². Peraturan ini juga terpakai semasa apa-apa pengubahsuaian (*renovation*), pembaikpulihan (*repair*), penyenggaraan (*maintenance*) atau pembersihan yang dibuat di sepanjang jangka hayat apa-apa struktur, yang biasanya berlaku semasa fasa penggunaan bangunan (rujuk pasca pembinaan dalam Rajah 1).

Soalan 3

Apakah perincian terhadap “kerja pembinaan” menurut peraturan ini?

Jawapan

Peraturan CDM mentafsirkan “kerja pembinaan” sebagai pembinaan apa-apa bangunan, kerja kejuruteraan awam atau kerja kejuruteraan dan termasuklah;

(a) pembinaan (*construction*), perubahan (*alteration*), penukaran (*conversion*), pemasangan (*fitting out*), pentauliahian (*commissioning*), pengubahsuaian (*renovation*), pembaikpulihan (*repair*), penjagaan (*upkeep*), penghiasan (*redcoration*) atau penyenggaraan (*maintenance*) termasuk pembersihan yang melibatkan penggunaan air atau pelelas pada tekanan tinggi, atau penggunaan bahan pengakis atau toksik, penyahtauliahian (*de-commissioning*), perobohan (*demolition*) atau perombakan (*dismantling*), suatu “struktur”³;

(b) penyediaan bagi suatu “struktur” yang dirancang, termasuklah pembersihan, penerokaan, penyiataan dan pengorekan tapak, dan pembersihan atau penyediaan tapak atau “struktur” untuk diguna atau dihuni setelah siap;

(c) pemasangan elemen pasang siap di tapak untuk membentuk suatu “struktur” atau penanggalan elemen pasang siap di tapak sejurus sebelum penanggalan tersebut, membentuk suatu “struktur”;

(d) pengalihan suatu “struktur”, atau apa-apa produk atau sisa akibat daripada apa-apa perobohan atau penanggalan suatu “struktur”, atau daripada penanggalan elemen pasang siap sejurus sebelum penanggalan tersebut, membentuk suatu “struktur”; dan

¹ “Projek” ertinya apa-apa projek yang termasuk atau dihasratkan untuk termasuk “kerja pembinaan” dan termasuklah semua perancangan, reka bentuk, pengurusan atau kerja lain yang terlibat dalam suatu projek sehingga selesai “fasa pembinaan” itu. Tafsiran ini haruslah dibaca bersama tafsiran “kerja pembinaan” dan “struktur”.

² Akta 514 mentafsirkan “tempat kerja” sebagai premis tempat orang bekerja atau premis yang digunakan bagi penyimpanan loji atau bahan. Tafsiran ini haruslah dibaca bersama tafsiran “premis”.

³ Tafsiran “kerja pembinaan” haruslah dibaca bersama tafsiran “struktur”.

(e) pemasangan, pentauliahan, penyenggaraan, pembaikpulihan atau pengalihan mekanikal, elektrik, gas, udara termampat, hidraulik, telekomunikasi, komputer atau perkhidmatan seumpamanya yang biasanya kekal di dalam atau pada suatu “struktur”,

tetapi tidak termasuk penerokaan, atau pengekstrakan, sumber mineral, atau aktiviti persediaan yang dijalankan di tempat yang suatu penerokaan atau pengekstrakan itu dijalankan.

Soalan 4

Siapakah “klien” yang dimaksudkan di dalam peraturan 3(1) di bawah peraturan ini?

Jawapan

Menurut peraturan 3(1), “klien” adalah mana-mana prinsipal⁴ atau mana-mana orang yang, baginya (atau bagi pihaknya) suatu projek⁵ dijalankan. Klien adalah pemilik projek. Klien boleh terdiri daripada satu individu seperti orang yang bekerja sendiri, pemilik tanah dan pemilik rumah. Klien juga boleh terdiri daripada organisasi seperti syarikat, perbadanan, lembaga, koperasi, badan amal, konsortium, pemaju, kelab, pertubuhan, kesatuan, kerajaan persekutuan, kerajaan negeri atau kerajaan tempatan (PBT).

Klien biasanya adalah pihak yang -

- (a) memuktamadkan apa yang hendak dibina (atau dibaik pulih, disenggara, diubah suai atau dirobah), di lokasi mana, bila dan oleh siapa;
- (b) menugasi kerja berkaitan reka bentuk konsep, kajian kebolehlaksanaan dan kerja pembinaan;
- (c) memberi kebenaran untuk kerja dimulakan;
- (d) mengetuai rangkaian perolehan projek; atau
- (e) melantik pasukan projek.

Kewajipan klien di dalam Peraturan CDM bermula pada peringkat prapembinaan walaupun kerja pembinaan belum bermula.

⁴ Akta A1648 mentafsirkan “prinsipal” ertinya mana-mana orang yang dalam perjalanan atau bagi maksud perdagangan, perniagaan, profesion atau pengusahaannya membuat kontrak dengan seorang kontraktor untuk pelaksanaan oleh atau di bawah kontraktor itu keseluruhan atau sebahagian daripada apa-apa kerja yang diusahakan oleh prinsipal itu.

⁵ Rujuk nota kaki no. 1

Soalan 5

Adakah projek pembinaan jalan raya termasuk di dalam definisi kerja pembinaan?

Jawapan

Ya, tertakluk kepada peraturan-peraturan ini.

Soalan 6

Mengapakah kewajipan klien diwujudkan di dalam Peraturan CDM?

Jawapan

Klien mempunyai pengaruh yang besar dalam perancangan, pengelolaan (*organisation*) dan pelaksanaan suatu projek pembinaan. Sekiranya klien mempunyai budaya dan sikap yang baik terhadap KKP, maka berkemungkinan besar setiap ahli pasukan projek akan terpengaruh untuk mempunyai budaya dan sikap terhadap KKP yang baik juga. Klien haruslah menunjukkan teladan KKP yang baik dengan memastikan perkiraan yang mencukupi termasuklah peruntukan masa, dana dan sumber mencukupi untuk KKP bagi setiap projek akan dijalankan.

Selain itu, klien juga mempunyai maklumat yang terperinci berkaitan projek akan dijalankan. Bagi memastikan KKP berada pada tahap optimum, klien perlu menyalurkan maklumat ini kepada pereka bentuk kerja pembinaan (termasuklah pereka bentuk prinsipal kerja pembinaan) dan kontraktor kerja pembinaan (termasuklah kontraktor prinsipal kerja pembinaan) supaya semua pihak dalam pasukan projek dapat membuat perancangan untuk menghapus, mengurangkan atau mengawal bahaya yang mungkin akan wujud semasa projek dilaksanakan.

Soalan 7

Adakah aktiviti kerja yang dilakukan di sektor gas dan minyak (oil and gas) dikategorikan sebagai projek pembinaan?

Jawapan

Ya, berdasarkan kepada peraturan 3(1) peraturan ini, mana-mana kerja selain daripada penerokaan, atau pengekstrakan, sumber mineral atau aktiviti persediaan dijalankan di suatu tempat yang suatu penerokaan atau pengekstrakan itu dijalankan diertikan sebagai kerja pembinaan.

Soalan 8

Apakah kewajipan klien di dalam Peraturan CDM ini?

Jawapan

Kewajipan klien telah dinyatakan secara terperinci di bawah peraturan 4 hingga 8. Kewajipan klien di bawah peraturan 4 adalah menyediakan perkiraan bagi pengurusan projek, termasuklah -

- a) peruntukan masa, dana dan sumber lain yang mencukupi;
- b) kerja pembinaan yang boleh dijalankan, setakat yang boleh dipraktikkan, dengan selamat tanpa risiko keselamatan dan kesihatan kepada mana-mana orang;
- c) memastikan kemudahan kebajikan disediakan seperti Jadual Kedua;
- d) memastikan pereka bentuk kerja pembinaan dan kontraktor kerja pembinaan dibekalkan maklumat;
- e) memastikan perkiraan bagi pengurusan projek dikekalkan dan disemak sepanjang projek;
- f) memastikan pereka bentuk prinsipal kerja pembinaan mematuhi kewajipannya;
- g) memastikan kontraktor prinsipal kerja pembinaan mematuhi kewajipannya;
- h) menyediakan maklumat prapembinaan;
- i) memastikan pelan fasa pembinaan disediakan oleh kontraktor kerja pembinaan; dan
- j) memastikan fail keselamatan dan kesihatan disediakan oleh pereka bentuk prinsipal kerja pembinaan.

Soalan 9

Adakah klien yang menggunakan loji yang menghendaki perakuan kelayakan di tapak pembinaan perlu membuat pemberitahuan kepada Jabatan walaupun tempoh kerja pembinaan adalah kurang daripada 30 hari bekerja dan kurang daripada 500 hari orang bekerja?

Jawapan

Tidak. Penggunaan apa-apa loji termasuk loji yang menghendaki perakuan kelayakan di tapak pembinaan tidak menjadi syarat kepada klien untuk membuat pemberitahuan projek di bawah peraturan 8, peraturan ini.

Soalan 10

Apakah yang dimaksudkan dengan "klien melepaskan kepentingan bagi suatu struktur...." dalam peraturan 6(2) peraturan ini?

Jawapan

Merujuk kepada peraturan 6(2) perkataan "klien melepaskan kepentingan bagi suatu struktur.." membawa maksud klien tersebut telah menyerahkan hak milik struktur kepada orang lain dengan cara menjual atau sebagainya.

Soalan 11

Adakah klien mempunyai kewajipan untuk memaklumkan kepada Jabatan apabila projek telah siap dijalankan?

Jawapan

Tidak. Peraturan 8 menetapkan kewajipan supaya klien mengemas kini butiran pemberitahuan secara berkala. Antara butiran yang perlu dikemas kini adalah tarikh yang dirancang untuk memulakan fasa pembinaan, masa yang diperuntukkan oleh klien bagi pengurusan projek di bawah peraturan 4(1)(a) dan tempoh yang dirancang bagi fasa pembinaan.

Soalan 12

Adakah keperluan yang perlu dipatuhi oleh klien sekiranya terdapat penggunaan loji yang menghendaki perakuan kelayakan di tapak pembinaan?

Jawapan

Sekiranya terdapat penggunaan loji yang menghendaki perakuan kelayakan di tapak pembinaan, klien tersebut hendaklah merujuk kepada kehendak perundangan yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024 [P.U. (A) 99/2024].

Soalan 13

Adakah klien masih perlu melantik Pegawai Keselamatan dan Kesihatan (SHO) dalam projek pembinaan?

Jawapan

Kewajipan klien untuk melantik Pegawai Keselamatan dan Kesihatan (SHO) di projek pembinaan telah diperincikan di bawah Perintah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pegawai Keselamatan dan Kesihatan) 1997. [P.U (A) 316/1997]

Soalan 14

Siapakah yang akan dipertanggungjawabkan sebagai klien sekiranya projek ini adalah di bawah kerajaan pusat, kerajaan negeri atau kerajaan tempatan / pihak berkuasa tempatan (PBT)?

Jawapan

Kerajaan pusat, kerajaan negeri atau kerajaan tempatan / pihak berkuasa tempatan (PBT) atau agensi kerajaan yang memiliki suatu projek pembinaan adalah dikategorikan sebagai klien dan perlu mematuhi peraturan ini. Di bawah tafsiran Peraturan CDM, sekali gus mempunyai kewajipan di bawah peraturan 4 hingga 8 sekiranya berkenaan.

Soalan 15

Merujuk kepada peraturan 8 peraturan ini, apakah yang dimaksudkan dengan “lima ratus hari orang bekerja”?

Jawapan

“Hari orang bekerja” adalah merujuk kepada hari atau sebahagian daripada hari itu apabila seseorang dijangka melaksanakan kerja pembinaan, sama ada dia melaksanakan apa-apa kerja fizikal di tapak pembinaan itu atau tidak.

Sebagai contoh, kerja-kerja pembinaan dijalankan dalam tempoh 60 hari dengan bilangan pekerja seramai 10 orang, maka jumlah hari orang bekerja adalah bersamaan dengan 600 hari orang bekerja (60 hari X 10 pekerja = 600 hari orang bekerja) . Sehubungan itu, projek ini perlu dibuat pemberitahuan di bawah peraturan 8, peraturan ini.

Soalan 16

Apakah kerja-kerja pembinaan yang dijalankan dalam tempoh Defect Liability Period (DLP) dikategorikan sebagai kerja-kerja pembinaan?

Jawapan

Ya, apa-apa kerja pembinaan yang dikelaskan dalam tafsiran kerja pembinaan dijalankan dalam tempoh DLP dikategorikan sebagai kerja pembinaan.
[Nota: DLP diertikan sebagai tempoh 12 bulan atau 24 bulan selepas tarikh siap praktikal (*practical completion*)]

Soalan 17

Adakah kerja-kerja pembuatan bejana termasuk dalam kerja-kerja pembinaan?

Jawapan

Kerja-kerja pembuatan (pengilangan) bejana tidak termasuk sebagai kerja-kerja pembinaan. Walau bagaimanapun, bejana yang telah siap di kilang adalah ditafsirkan sebagai loji dan termasuk di bawah tafsiran ‘struktur’. Oleh yang demikian, pereka bentuk kerja pembinaan (CD) dan pembuat (pengilang) bejana merupakan pereka bentuk kerja pembinaan (CD) dan mempunyai kewajipan di bawah peraturan 11 peraturan ini.

Soalan 18

Adakah peraturan ini terpakai bagi kerja-kerja pembinaan domestik (kerja-kerja extension dan pembaikan rumah persendirian)?

Ya, peraturan ini terpakai untuk kerja-kerja pembinaan domestik. Di bawah peraturan 9 peraturan ini kewajipan klien domestik itu dipertanggungjawab kepada pemegang kewajipan yang dilantik oleh klien domestik bagi kerja pembinaan tersebut.

Soalan 19

Apakah kandungan yang perlu ada di dalam Fail Keselamatan dan Kesihatan?

Jawapan

Fail keselamatan dan kesihatan perlu mengandungi apa-apa maklumat sebagaimana yang dinyatakan di dalam peraturan 14 peraturan ini.

Peraturan 14 menetapkan fail keselamatan dan kesihatan (SHF) hendaklah mengandungi apa-apa maklumat yang berhubungan dengan projek yang berkemungkinan diperlukan dalam mana-mana projek berikutnya untuk memastikan keselamatan dan kesihatan mana-mana orang.

Soalan 20

Apakah perbezaan di antara “fail keselamatan dan kesihatan” dengan “Buku Log JKPP”?

Jawapan

Kedua-dua dokumen tersebut adalah merujuk kepada dua dokumen yang berbeza di mana perincian berkaitan “fail keselamatan dan kesihatan” boleh dirujuk pada peraturan 14 peraturan ini dan *Guidelines of Occupational Safety and Health in Construction Industry (Management) 2017* (Garis Panduan OSHCIM 2017) atau Garis Panduan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pengurusan) 2020 (Garis Panduan CDM 2020). Buku Log JKPP pula adalah merujuk kepada buku yang digunakan oleh pegawai JKPP untuk merekodkan segala penemuan berkaitan KKP di tempat kerja semasa pemeriksaan, penguatkuasaan dan audit dijalankan.

Soalan 21

Adakah fail keselamatan dan kesihatan (SHF) perlu ada di tapak projek yang sedang berjalan (existing project site) selepas tarikh penguatkuasaan peraturan ini?

Jawapan

Ya. Perincian lanjut berkaitan fail keselamatan dan kesihatan (SHF) boleh dirujuk pada peraturan 14 peraturan ini. Bagi projek yang telah dijalankan sebelum peraturan ini berkuatkuasa, pereka bentuk prinsipal kerja pembinaan digalakkan untuk menyediakan fail keselamatan dan kesihatan dan tertakluk kepada maklumat semasa yang wajar dimasukkan dalam fail ini.

Soalan 22

Berhubung dengan kewajipan prinsipal di bawah Seksyen 18A(1) Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514), ada menyatakan berkenaan subkontraktor. Dalam Peraturan CDM tiada subkontraktor digunakan. Siapakah subkontraktor dalam Peraturan CDM?

Jawapan

Menurut Akta 514, subkontraktor adalah merujuk kepada mana-mana orang yang memperoleh projek daripada kontraktor yang diguna khidmat oleh prinsipal sebagaimana yang dinyatakan di bawah seksyen 18A(1) Akta 514.

Justeru, setiap pihak perlu mengenal pasti peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam projek pembinaan.

Soalan 23

Siapakah yang dipertanggungjawab untuk mematuhi peraturan 19 berhubung dengan tempat kerja yang selamat peraturan ini?

Jawapan

Tanggungjawab untuk mematuhi peruntukan peraturan 19 ini diletakkan kepada kontraktor kerja pembinaan (CC).

Soalan 24

Apakah keperluan kontraktor kerja pembinaan untuk memastikan tapak pembinaan atau mana-mana kawasan tapak pembinaan mempunyai udara yang segar dan bersih?

Jawapan

Kontraktor kerja pembinaan (CC) mempunyai tanggungjawab dan mengambil langkah-langkah yang bersesuaian dan mencukupi memastikan tapak pembinaan atau mana-mana kawasan tapak pembinaan mempunyai udara yang segar dan bersih. Antara kerja yang berkaitan perkara ini adalah kerja kimpalan di dalam paip talian dan kerja penyenggaraan di dalam ruang terkurung.

Sekiranya terdapat kerja-kerja pembinaan yang menghendaki pekerja masuk ke dalam ruang terkurung, Kontraktor kerja pembinaan (CC) tersebut hendaklah merujuk kepada Tataamalan Industri Bekerja Selamat di Dalam Ruang Terkurung 2010 [P.U.(B) 324/2010].

Soalan 25

Adakah klien, pereka bentuk kerja pembinaan (CD), prinsipal kontraktor kerja pembinaan (PC) dan kontraktor kerja pembinaan (CC) masih perlu mematuhi Peraturan BOWECS?

Jawapan

Tidak, bermula pada 1 Jun 2024, Peraturan BOWECS telah dimansuhkan sepenuhnya. Bagi tujuan pematuhan perundangan, Peraturan CDM ini akan menggantikan sebahagian peruntukan daripada Peraturan BOWECS dan sebahagian peruntukan lagi akan diganti oleh peraturan berkaitan kerja di tempat tinggi yang akan diwartakan kelak.

Soalan 26

Adakah kontraktor prinsipal kerja pembinaan (PC) mempunyai kewajipan untuk memastikan KKP terhadap pereka bentuk kerja pembinaan (PD) yang memasuki tapak pembinaan?

Jawapan

Ya, di bawah Seksyen 15 Akta 514, kontraktor prinsipal kerja pembinaan (PC) mempunyai tanggungjawab untuk memastikan KKP terhadap orang lain selain pekerjaanya termasuklah pereka bentuk kerja pembinaan (PD).

Soalan 27

Di bawah Peraturan 21 (2), adakah perancah termasuk di dalam kategori struktur sementara dan memerlukan pemohon untuk mendapatkan kebenaran memasang perancah di bawah peraturan ini?

Jawapan

Ya, di bawah peraturan ini, perancah dikategorikan sebagai struktur sementara. Perincian kehendak perundangan berhubung perancah ini akan dinyatakan di dalam peraturan baharu berkaitan kerja di tempat tinggi yang akan diwartakan kelak. Namun begitu, di bawah peraturan ini, tiada keperluan untuk pemohon mendapatkan kebenaran memasang perancah daripada JKPP.

Soalan 28

Adakah Kontraktor Prinsipal Kerja Pembinaan (PC) merupakan Kontraktor yang dilantik berdasarkan Letter of Award (LOA)?

Jawapan

Ya, kontraktor prinsipal kerja pembinaan (PC) adalah merupakan kontraktor kerja pembinaan (CC) yang dilantik oleh klien secara bertulis di bawah peraturan 7(1)(b) peraturan ini dan mempunyai kawalan semasa fasa pembinaan.

Soalan 29

Adakah pengemukakan dokumen LOA berkaitan sesebuah projek pembinaan kepada Jabatan tidak lagi diwajibkan?

Jawapan

Di bawah peraturan CDM klien tidak perlu lagi mengemukakan apa-apa dokumen berkaitan projek pembinaan kepada Jabatan. Namun begitu, dokumen yang berkaitan dengan projek pembinaan hendaklah disimpan, disenggara dan dikemas kini, disimpan di tapak pembinaan.

Walau bagaimanapun, merujuk kepada peraturan 8 peraturan ini, klien projek pembinaan hendaklah memberitahu Jabatan berhubung butiran yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga Peraturan CDM dan dibuat melalui JKPP 12.

Soalan 30

Mengapakah tiada peruntukan berkaitan perancah, acuan dan penyangga (*scaffold, formwork and falsework*) di dalam Peraturan CDM ini?

Jawapan

Peruntukan berkaitan perancah, acuan dan penyangga (*scaffold, formwork and falsework*) ini akan dinyatakan di dalam peraturan berkaitan kerja di tempat tinggi yang akan diwartakan kelak.

Memandangkan penggunaan perancah, acuan dan penyangga (*scaffold, formwork and falsework*) mempunyai bahaya yang khusus, justeru kontraktor kerja pembinaan (CC) hendaklah mematuhi peruntukan peraturan 21 peraturan ini dan digalakan untuk merujuk kepada mana-mana standard diiktiraf seperti *BS 5975:2019 Code of practice for temporary works procedures and the permissible stress design of falsework*.

Soalan 31

Adakah pembantu keselamatan dan kesihatan di bawah peraturan 38 peraturan ini dikategorikan sebagai orang kompeten dan perlu mempunyai sijil kompetensi?

Jawapan

Mana-mana orang yang dilantik di bawah peraturan 38 peraturan ini tidak dikategorikan sebagai orang kompeten dan tidak perlu mempunyai sijil kompetensi.

Mana-mana orang yang dilantik di bawah peraturan 38 adalah orang yang mempunyai kemahiran, pengetahuan dan pengalaman berkaitan kewajipan-kewajipan yang ditetapkan di dalam Peraturan CDM dan penggunaan prinsip am pencegahan (Jadual Pertama) dan pentaksiran risiko reka bentuk.

Bagi tujuan ini, JKPP telah membangunkan silibus dan menetapkan rujukan-rujukan yang sesuai dan telah mendaftarkan pusat latihan berdaftar bagi kursus CDM profesional dan CDM koordinator.

CDM profesional dan CDM koordinator ini diwujudkan bagi membantu mana-mana pemegang kewajipan di bawah Peraturan CDM untuk mematuhi kewajipan yang ditetapkan ke atasnya.

Soalan 32

Siapakah yang akan dikenakan tindakan punitif bagi kesalahan yang dilakukan di bawah peraturan ini?

Jawapan

Tindakan punitif (pendakwaan, kompaun, notis atau surat arahan) akan dikenakan kepada pemegang kewajipan (*duty holder*) seperti klien, pereka bentuk prinsipal kerja pembinaan, pereka bentuk kerja pembinaan, kontraktor prinsipal kerja pembinaan dan kontraktor kerja pembinaan dan dibuat berdasarkan kepada tafsiran dan kewajipan mereka di bawah Peraturan CDM.

Soalan 33

Apakah tindakan perundangan yang boleh diambil bagi kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah peraturan ini?

Jawapan

Tindakan perundangan atau tindakan punitif yang boleh diambil bagi kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah peraturan ini adalah seperti pendakwaan, kompaun, notis dan surat arahan di bawah Akta 514.

Soalan 34

Siapakah yang bertanggungjawab untuk memastikan pentaksiran risiko (bising, risiko, kimia) dijalankan?

Jawapan

Berdasarkan Seksyen 18B Akta 514, tiap-tiap majikan, orang yang bekerja sendiri atau prinsipal mempunyai kewajipan untuk menjalankan pentaksiran risiko berhubung dengan risiko KKP yang terdedah kepada mana-mana orang yang mungkin terjejas dengan pengusahaannya di tempat kerja. Pentaksiran ini hendaklah dibuat dengan merujuk peraturan/tataamalan industri yang khusus.

Soalan 35

Adakah seorang pegawai keselamatan dan kesihatan boleh dilantik di lebih dari satu tempat kerja (tapak pembinaan)?

Jawapan

Tidak, menurut subseksyen 29(4) Akta 514, seorang pegawai keselamatan dan kesihatan hanya boleh dilantik untuk satu tempat kerja pada satu-satu masa tertakluk kepada kebenaran Ketua Pengarah.

Soalan 36

Adakah terdapat keperluan untuk melantik Penyelaras KKP (OSH-C) di tapak pembinaan?

Jawapan

Menurut Seksyen 29A Akta 514, mana-mana majikan yang tempat kerjanya tidak termasuk dalam mana-mana kelas atau jenis tempat kerja sebagaimana yang disiarkan dalam Warta di bawah subseksyen 29(1) Akta 514 dan mengambil kerja lima atau lebih pekerja tempat kerja hendaklah melantik salah seorang dari kalangan pekerjaanya untuk bertindak sebagai penyelaras KKP (OSH-C).

Sekiranya pekerja yang dilantik itu telah menghadiri kursus penyelia keselamatan tapak (SSS), pekerja tersebut tidak perlu lagi menghadiri latihan Penyelaras KKP (OSH-C).

Disediakan oleh:

**Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
Kementerian Sumber Manusia
29 Ogos 2024**